



LKPP CORPORATION SDN BHD

(199769-V)

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

LKPP Corporation Sdn. Bhd. bertanggungjawab merangka dan menyediakan satu suasana persekitaran tempat kerja yang sihat serta selamat kepada semua pekerja, pelanggan, kontraktor, pembekal dan orang awam yang berurusan dengan ladang, kilang, atau anak syarikat,

- ❖ Memastikan segala peraturan yang termaktub dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) serta peruntukan perundungan yang berkaitan yang dipilih dan keperluan pelanggan, perlu dipatuhi dengan sepenuhnya;
- ❖ Melindungi semua pihak yang bekerja dan berurusan dengan kami daripada kemalangan dan kecederaan serta menghapuskan dan meminimakan risiko yang berbangkit dari kerja melalui langkah-langkah kawalan yang bersesuaian;
- ❖ Komitmen bagi memastikan pekerja kami mematuhi piawaian keselamatan dan kesihatan dalam melaksanakan pekerjaan dan mempunyai akauntabiliti ke atas diri mereka dan orang lain di sekeliling mereka termasuk orang awam;
- ❖ Melaksanakan dan memastikan Sistem Pengurusan Perubahan (MOC) direkodkan dari segi perubahan fizikal, operasi kerja, prosedur, perubahan organisasi dan pengurusan mengikut keperluan akta yang terpakai;
- ❖ Menyediakan latihan dan pendedahan kepada semua pekerja ke arah membudayakan budaya kerja yang sihat dan selamat;
- ❖ Menjalankan pemeriksaan dan mendapat maklumbalas kakitangan serta pekerja dari semasa ke semasa di keseluruhan pusat operasi syarikat untuk peningkatan berterusan dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Pematuhan arahan dalam polisi adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd, Anak syarikat dan semua pihak yang berkepentingan serta pelawat yang berurusan dengan semua pusat operasi syarikat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Haji Shahrumzaki Bin Hassan".

HAJI SHAHRUMZAKI BIN HASSAN
Pengurus Besar

1 JULAI 2021

No. 3/2021